

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OKTOBER 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3

Bantu negara hadapi ekonomi tidak menentu

# Bantu negara hadapi ekonomi tidak menentu

Oleh OMAR ZIN  
omar.zin@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan Bajet 2023 sebagai suatu persediaan untuk membantu negara berhadapan dengan ekonomi tidak menentu pada tahun depan.

Jelasnya, persediaan itu boleh dilihat menerusi pelbagai bentuk peruntukan bagi memastikan setiap kumpulan sasar mendapat sokongan kewangan daripada kerajaan.

Katanya, bajet ini juga memastikan pemulihan ekonomi negara terus berada dalam landasan terbaik.

“Sesuai dengan tema Keluarga Malaysia, Makmur Bersama, kalau kita lihat bajet ini menumpukan kepada seluruh Keluarga Malaysia seperti B40 dan



**PEKERJA rumah bot, Hapiudin Abu (kanan) bersama rakan sekerja menonton siaran langsung pembentangan Bajet 2023 di Pangkalan Gawi, Tasik Kenyir, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY**

M40 serta golongan tertentu, wanita dan belia. Peruntukan ini diberikan berdasarkan kepada setiap kumpulan.

“Malah dari segi pembangu-

nan luar bandar, bandar dan sebagainya, bajet ini juga menumpukan kepada pemulihan ekonomi dan juga menyediakan kita... kesediaan kita untuk menghadapi

keadaan ekonomi yang agak tidak menentu pada tahun depan,” katanya ketika ditemui pemberita di Parlimen semalam.

Beliau mengulas mengenai Bajet 2023 yang memperuntukkan sejumlah RM372.3 bilion bagi tahun 2023.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, peruntukan itu merupakan peningkatan ketara berbanding peruntukan Bajet 2022 iaitu RM332 bilion dan Bajet 2021 iaitu RM322 bilion.

“Dicadangkan bajet ini menyediakan sebanyak RM272.3 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM95 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

“Selebihnya, RM5 bilion disediakan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 manakala RM2 bilion disediakan sebagai simpanan luar jangka,” katanya.